

19/12/2003

Bahasa Melayu ada masa depan

Salbiah Ani

KUALA LUMPUR: Forum Kembara Bahasa Kebangsaan (FKBK) 2003 yang melabuhkan tirainya di sini, hari ini, selepas berlangsung di 13 negeri, dipenuhi dengan perbincangan bernas lagi menarik.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Mohamad Shaïd Mohd Taufek, Timbalan Setiausaha Kehormat Gabungan Dewan Perniagaan Cina Malaysia, Datuk David Chua dan Penolong Setiausaha Bahagian Pembangunan Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Pelancongan, Siri Neng Buah, bertindak sebagai panel pada forum kali ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Datuk Tengku Azlan Sultan Abu Bakar, menutup FKBK 2003 yang membincangkan 'Bahasa Kebangsaan dalam Era Globalisasi: Citra Bahasa Kebangsaan Dalam Masyarakat Metropolitan.'

FKBK 2003 anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) serta Berita Harian yang julung kali diadakan tahun ini membuka tirainya di Pahang pada 18 Mei lalu melihat kedudukan bahasa Melayu secara kritis.

Kenyataan ahli panel, Datuk Baharuddin Zainal, yang juga Timbalan Presiden Persatuan Penulis Nasional (Pena), berhubung kesan pelaksanaan pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris pada jangka panjang cukup menggerunkan.

Pelaksanaan penggunaan bahasa Inggeris bagi pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik di sekolah rendah mulai tahun ini diyakini akan mengakibatkan 47 lagi mata pelajaran dikendalikan dalam bahasa itu pada masa depan.

Andaian itu dibuat berdasarkan peningkatan jumlah sebenar mata pelajaran Sains dan Matematik yang akan bertambah apabila pelajar melangkah ke sekolah menengah dan ini termasuklah Fizik, Biologi, Kimia, Matematik Moden dan Matematik Tambahan.

Pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Dr Teo Kok Seong, menegur kecenderungan TV3 merosakkan bahasa Melayu melalui penggunaan bahasa slanga dan mencampuradukkan bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris.

Penggunaan bahasa oleh stesen penyiar itu seperti ketika menguar-uarkan program Karnival TV3 2003 yang menggunakan tema 'Sure Heboh' dan dipromosikan secara besar-besaran dikatakan menjadi ikutan generasi muda.

Malahan program TV3 seperti Melodi, Remaja dan Juara Lagu yang mencampuradukkan bahasa kebangsaan dengan Inggeris selain perkataan slanga dibimbangi mempengaruhi sebahagian besar generasi muda yang menjadi khalayak program itu.

Jika Forum Kembara Bahasa Kebangsaan 2003 Peringkat Negeri Pahang menimbulkan kebimbangan akan nasib masa depan bahasa kebangsaan, nada sebaliknya pula dapat dikesan pada Forum Kembara Bahasa Kebangsaan 2003 Peringkat Negeri Johor.

Kedua-dua ahli panel pada forum di Johor yang kebetulan sarjana teknologi maklumat begitu yakin akan masa depan dan daya saing bahasa kebangsaan dalam era siber dengan syarat pengguna bahasa itu memantapkan penggunaannya.

Felo Penyelidik Kanan, Institut Alam dan Tamadun Melayu (Atma), UKM, Prof Madya Dr Ding Choo Ming, yakin bahasa kebangsaan mempunyai masa depan dan segala-galanya bergantung kepada kemampuan dan kreativiti penggunaannya.

Beliau melihat bahasa kebangsaan mempunyai kekuatan intrinsik dan ekstrinsik selain boleh memainkan peranan yang tidak boleh dimainkan oleh bahasa Tamil mahupun Cina, alat perpaduan bangsa di Malaysia.

Dekan Pusat Pengajian Sains Komputer, Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Dr Zaharin Yusoff, pula yakin bahasa kebangsaan dapat dimantapkan dalam dunia siber sekiranya penggunaannya terbabit dalam kegiatan

perdagangan.

Bagaimanapun, usaha membina komuniti bahasa kebangsaan dalam dunia siber melalui perdagangan perlu disusuli dengan khidmat pemasaran dan produk yang baik bagi membolehkan ia mendapat sambutan, sebagaimana dibuktikan oleh Jepun,

Selain di Pahang dan Johor, program serupa turut berlangsung di Selangor pada 12 Julai dengan tema 'Bahasa Kebangsaan dalam Media Massa: Antara Baku Dengan Celaru', Terengganu - 'Lagu Rakyat Sebagai Sumber Pengayaan Bahasa' (22 Julai), Sabah 'Bahasa Kebangsaan Wahana Pengucapan Budaya' (13 Ogos).

FKBK 2003 peringkat negeri Perak, Pulau Pinang, Kelantan dan Negeri Sembilan berlangsung serentak pada 13 September dengan tema 'Bahasa Kebangsaan Dalam Era Globalisasi: Berakal Internasional Berakar Nasional'.

Ahli panel FKBK 2003 Peringkat Negeri Kelantan turut melihat masa depan positif untuk bahasa Melayu dengan syarat penggunaanya melihat kepentingan memelihara jati diri dalam asakan globalisasi yang menghambat seluruh dunia dengan menguasai ilmu.

Pensyarah Universiti Malaya (UM), Prof Datuk Dr Zainal Kling, mengingatkan bangsa Melayu agar membuang pandangan negatif terhadap bangsa sendiri dan tidak sekali-kali merasa kecil kerana tanpa Piramid, bangsa Melayu masih kekal sehingga kini.

"Kedaulatan negara bangsa kini tidak lagi dihormati dan kita mesti mengukuhkan akar merangkumi keilmuan seluruh dunia kerana ia menjadi tunjangan terkuat dalam memastikan kedaulatan negara kita tidak tercabar," katanya.

Pensyarah Universiti Teknologi Mara (UiTM), Prof Datuk Dr Hamdan Adnan, pula melihat berakal internasional berakar nasional penting bagi mencapai kemajuan dan menjamin kewujudan Malaysia dalam era globalisasi.

"Saya bimbang Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) akan lebih berkuasa daripada pemerintah sesebuah negara dalam era globalisasi dan Malaysia tidak terkecuali daripada hal ini sekiranya enggan menguasai ilmu dunia," katanya.

Nada serupa juga dapat dikesan pada FKBK 2003 Peringkat Negeri Perlis, pada 27 September yang mengajak semua pihak memastikan bahasa Melayu dipelihara dan dipertingkatkan penggunaannya dalam pelbagai bidang.

Naib Presiden, Majlis Belia Malaysia (MBM), Sobri Ahmad, pula berharap pihak berkuasa memberi perhatian kepada syarikat swasta milik bukan Melayu yang meletakkan penguasaan bahasa ibunda mereka sebagai syarat penawaran pekerjaan.

Pengarah Dewan Budaya, Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Madya Dr Ismail Abdullah, pula berharap pihak berkenaan melihat kepentingan mengekalkan bahasa Melayu di negara ini kerana ia lambang jati diri masyarakat pelbagai kaum.

Pandangan paling optimis dilihat pada FKBK 2003 peringkat Negeri Melaka 22 Oktober lalu, yang melihat bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, menyediakan asas kukuh untuk bahasa Melayu sebagai bahasa antarabangsa.

Pensyarah Jabatan Sosio-Budaya Universiti Malaya (UM), Prof Madya Dr Zainal Abidin Borhan, yakin kemajuan ekonomi Malaysia bukan setakat memungkinkan ia muncul sebagai kuasa dunia, malah negara yang bahasanya dipelajari masyarakat antarabangsa.

Ketua Pengarah DBP, Datuk A Aziz Deraman, ketika dihubungi menjelaskan FKBK 2003 adalah program di bawah Galakan Bahasa Kebangsaan Sektor Swasta dalam usaha mengangkat martabat bahasa Melayu di negara ini.

"DBP yakin forum ini dapat meningkatkan kefahaman bahasa kebangsaan dalam pelbagai bidang dan menimbulkan keinsafan kepentingan menguasai bahasa asing termasuk bahasa Inggeris perlu dilihat daripada perspektif sebenar," katanya.

Dalam usaha Malaysia menuju negara maju dalam tempoh 20 tahun akan datang dan membina peradaban bangsa, meskipun menguasai bahasa asing

penting tetapi jangan sampai bahasa kebangsaan diketepikan dan berkesudahan dengan hilangnya jati diri!